

UNSUR METAFORA ALAM: TINJAUAN TENTANG KAITAN RAPAT ANTARA KARYA PUISI MELAYU DENGAN AYAT AMSAL AL-QUR'AN

THE ELEMENTS OF NATURAL METAPHORS: A STUDY ON THE CLOSE RELATIONSHIP BETWEEN MALAY POETRY WORKS AND VERSES FROM THE BOOK OF PROVERBS IN THE QUR'AN

Khafizatunnisa' Jaapar^{1*}

Atiratun Nabilah Jamil²

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin³

Fathiah Fathil⁴

Ahmad Firdaus Mohd Noor⁵

Ahmad Bakhtiar Jelani⁶

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: khafiz920@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: atiratun1774@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.
(E-mail: fathi397@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my)

⁶ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia.
(E-mail: ahmadbakhtiar@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Jaapar, K., Jamil, A.N., Muhammad Sharifuddin, N., Fathil, F., Mohd Noor, A.F. & Jelani, A.B. (2024). Unsur Metafora Alam: Tinjauan Tentang Kaitan Rapat antara Karya Puisi Melayu dengan Ayat Amsal Al- Qur'an. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 423 -437.

Abstrak: Karya puisi Melayu adalah suatu bentuk khazanah istimewa yang diwariskan oleh generasi lama kepada kita sebagai penerus Bangsa Melayu. Puisi Melayu dengan keindahan bahasanya, seringkali menggambarkan alam sekitar sebagai sumber inspirasi yang memberi makna. Di sisi lain, Al-Qur'an, sebagai pedoman utama umat Islam, juga memuatkan banyak ayat yang menggunakan gambaran alam untuk menyampaikan pesan-pesan Ilahi. Sehubungan dengan itu, artikel ini dibuat untuk membuat tinjauan tentang kaitan rapat antara Karya Puisi Melayu dengan Ayat Amsal Al- Qur'an. Ini kerana, pendekatan gaya bahasanya yang hampir sama iaitu secara metafora (memaknakan sesuatu) menggambarkan keterikatan yang kuat antara keduanya. Malahan ianya merupakan petunjuk yang jelas bahawa masyarakat Melayu di zaman dulu sangat berpegang teguh kepada agama dan budaya sehingga dirakamkan dalam karya bahasa dan penulisan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang memberikan tumpuan kepada memahami secara mendalam metafora alam yang terkandung dalam karya

puisi Melayu serta gambaran alam yang disebutkan dalam ayat amsal Al-Qur'an. Sebagai konklusi, hasil kajian ini diharapkan dapat membentuk nilai dan karakter masyarakat yang berakhlak mulia dan tinggi peradabannya.

Kata kunci: *Metafora Alam, Puisi Melayu, Ayat Amsal Al-Qur'an.*

Abstract: *Malay poetry is a special treasure passed down by previous generations to us as successors of the Malay Nation. Malay poetry, with its beautiful language, often depicts the surrounding nature as a source of meaningful inspiration. On the other hand, the Qur'an, as the primary guidance for Muslims, also contains many verses that use natural imagery to convey Divine messages. Therefore, this article is created to provide an overview of the close relationship between Malay poetry and the verses of Proverbs from the Qur'an. This is because their similar stylistic approach, namely metaphorical interpretation, illustrates a strong connection between the two. Moreover, it serves as a clear indication that the Malay society in ancient times adhered firmly to religion and culture, which is recorded in language and writing. This study employs a qualitative method focusing on deeply understanding the natural metaphors present in Malay poetry and the natural imagery mentioned in the verses of Proverbs from the Qur'an. In conclusion, it is hoped that the findings of this study will contribute to shaping the values and character of a society characterized by noble morals and high civilization*

Keywords: *Natural Methapor, Malay Poetry, Verses of Proverbs from The Qur'an.*

Pengenalan

Metafora alam merupakan salah satu elemen penting dalam kesusasteraan dan puisi Melayu. Alam yang kaya dengan keindahan dan keragamannya sering menjadi inspirasi bagi penyair melayu untuk menyampaikan pesan, nasihat, dan perasaan. Metafora alam membantu menciptakan gambaran visual yang kuat dan memberikan kedalaman makna, menjadikan karya sastera lebih hidup dan mudah dihayati oleh pembaca. Alam juga digunakan untuk menggambarkan perasaan cinta dan kasih sayang. Bunga, bulan, bintang, dan lautan sering kali muncul sebagai metafora yang mewakili keindahan dan kerinduan dalam cinta. Selain itu, metafora alam juga sering digunakan untuk menggambarkan perjalanan hidup, kekuatan, dan keberanian. Sungai yang mengalir, badai yang melanda, dan pohon yang kukuh menjadi simbol cabaran dalam perjalanan hidup dan ketahanan dalam menghadapi rintangan. Alam juga digunakan untuk menggambarkan perpisahan dan kesedihan. Contohnya, senja yang redup melambangkan akhir dari sesuatu, sementara hujan dan air mata sering digunakan untuk menggambarkan kesedihan dan kehilangan. Bahkan lebih dari itu, metafora alam yang digunakan dalam Karya Sastera Melayu berfungsi untuk memberikan nasihat dan pengajaran. Alam dilihat sebagai guru yang penuh hikmah, mengajarkan nilai-nilai kehidupan seperti kesabaran, keikhlasan, dan ketabahan melalui perilaku unsur-unsur alam (Hassan Ahmad, 2003). Sementelah itu, istilah "kesusasteraan" dalam bahasa Melayu/Indonesia berkembang daripada kata Sanskrit sastra. Akar kata sas- adalah kata terbitan bermakna "mengarahkan, mengajar, memberi petunjuk atau instruksi. Dan akhiran -tra biasanya menunjukkan alat untuk mengajar, buku petunjuk, buku instruksi atau pengajaran; misalnya *silpasastrā*: buku tentang senibina, *kavysastra*: buku tentang puisi "kawi" dan *kamasutra* sebagai buku tentang seni cinta dan perkasihan. Dari pada kata "sastera" terdapat pula susastera. Awalan su- itu dari pada bahasa Sanskrit juga yang membawa maksud baik atau indah. Imbuhan -ke dan -an ditambah untuk memperlengkap bentuk kata terbitan yang memberikan makna yang padu dan menyeluruh

iaitu segala yang tertulis, yang bernilai seni dan estetik dengan maksud memberikan panduan, petunjuk dan pengajaran (Harun Mat Piah, 2000). Maka, jelaslah di sini bahawa unsur metafora alam banyak digunakan dalam karya sastera melayu sebagai pelengkap kepada keindahan bahasa dan budaya orang melayu. Terdapat pelbagai jenis puisi melayu seperti puisi syair, pantun dan peribahasa. Pantun merupakan sebuah warisan teras hati budi masyarakat Melayu yang penuh dengan kesantunan dan nilai-nilai yang luhur. Ujaran dalam pantun lahir seiring dengan bermulanya kehidupan dan tumbuhnya Melayu. Kenyataan ini berhubung kait dengan kajian yang dijalankan oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz (Ungku Abdul Aziz, 2011) dalam *Wawacara Mingguan Malaysia "Saya Bangga Sebagai Melayu"* yang berpendapat bahawa sejak 800 tahun yang lampau pantun Melayu sudah wujud sebelum wujudnya William Shakespeare. Ketika itu orang Melayu sudah menghafal pantun kerana ketika itu minda mereka tidak bercampur aduk dengan perkara-perkara asing. Peribahasa Melayu pula adalah ungkapan atau kalimat pendek yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyampaikan nasihat, pengajaran, sindiran, atau kebenaran umum dalam bentuk yang ringkas, padat, dan berrima. Peribahasa ini sering kali mengandungi makna tersirat dan digunakan untuk menyampaikan pesan dengan cara yang lebih halus atau puitis dan antara jenis-jenis peribahasa itu adalah simpulan bahasa dan perumpamaan dalam peribahasa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011).

Pada masa yang sama, kita maklum bahawa Al-Quran adalah kitab yang diyakini oleh semua umat Islam sebagai mukjizat Nabi Muhammad SAW yang terbesar. Mukjizat terbesar yang penuh dengan khazanah ilmu kehidupan ini membuktikan bahawa Rasullullah SAW sememangnya diutuskan oleh Allah sebagai rasul untuk umat manusia. Mukjizatnya itu tidak dalam bentuk fizikal yang dapat dilihat dengan jelas nyata kehebatannya di depan mata kasar apatah lagi bagi mereka yang menolak kebenaran; tetapi ianya dalam bentuk spiritual. Mukjizat Al-Qur'an tidak hanya terdapat pada aspek kandungan isinya, tetapi juga pada aspek bahasanya yang sangat indah yang tidak mungkin dapat direka dan dicipta oleh manusia yang serba lemah (Abdullah, 2003). Menariknya, Al-Qur'an iaitu kalam Allah yang teragung yang diturunkan dalam bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan ini, memaparkan keistimewaan tersendiri di mana pada uslub dan gaya bahasanya terdapat ayat-ayat amsal yang mengandungi perumpamaan dan persamaan yang dikiaskan antara sesuatu dengan lainnya (Ali Al-Jarim & Mustafa Amin, 1977). Dalam erti kata lain, terdapat juga unsur metafora alam yang digunakan dalam gaya bahasa Al-Qur'an untuk dikiaskan dengan sesuatu namun begitu ia tidak disebut sebagai metafora (Muhammad Ahmadi, 1996). Jika ditinjau di dalam ilmu bahasa Arab, tidak akan didapati ilmu yang disebut sebagai metafora. Ini kerana ilmu metafora hanya dikenali dalam ilmu kesusasteraan seperti dalam ilmu kesusasteraan bahasa Melayu, ilmu kesusasteraan bahasa Inggeris, ilmu kesusasteraan bahasa Indonesia dan sebagainya. Jika di dalam Ilmu kesusasteraan bahasa Arab, uslub yang menggunakan metafora dan euphoria ini dikenali sebagai ilmu balaghah. Ilmu balaghah terbahagi kepada tiga iaitu ilmu ma'ani, ilmu bayan dan ilmu badi'. Ketiga-tiga ilmu tersebut membicarakan berkaitan bahasa Arab serta pendekatan gaya bahasanya. Sekalipun nama metafora tidak wujud dalam ilmu bahasa Arab tidaklah bermakna Bahasa Arab tidak membincangkan ilmu yang bersangkutan dengan metafora. Setelah dikaji dengan lebih mendalam, didapati bahawa ilmu metafora di dalam bahasa Arab adalah ilmu-ilmu yang terdapat di bawah pembahagian ilmu bayan (Ahmad al-Hasyimi, 1994).

Permasalahan Kajian

Ironinya ramai yang telah maklum, perbahasan tentang Karya Puisi Melayu sangat banyak namun perbahasan kali ini menjurus kepada kaitan rapat antara Puisi Melayu dengan Ayat Amsal Al-Qur'an. Apa yang cuba disampaikan di sini adalah bagaimana puisi Melayu itu menjadi medium dalam membentuk keperibadian yang tinggi jika dibandingkan dengan bahasa

moden dan bahasa ‘rojak’ yang berlaku pada masa kini. Bahkan, keindahan bahasa telah dicacatkan dengan singkatan-singkatan suku kata yang digabungkan sehingga menghilangkan kosa kata dan maknanya seperti curahan hati menjadi ‘curhat’ dan media sosial menjadi ‘medsoc’, (Amalia, H. R., Serliana, 2022). Belum lagi dibahaskan tentang bagaimana generasi masa kini menggunakan bahasa-bahasa yang kasar dan tidak berlapik melalui pelbagai medium sosial yang ada sekarang. Apa yang mereka mahukan adalah ‘viral dan trending’ (Burns, Kelli S, 2008). Hilang sudah segala adab dan akhlak ketika berinteraksi terutama terhadap golongan yang lebih tua. Bila timbul rasa tak puas hati, dengan mudahnya semua itu diungkapkan dan diluahkan tanpa memikirkan kesannya (Taufik, 2012). Justeru, dengan membincangkan Karya Puisi Melayu yang sebahagiannya berinspirasikan Ayat Amsal Al-Qur'an serta keindahan seninya, penulis berharap agar kerajaan dan institusi berwajib bertindak membudayakan bahasa dengan mengadakan kempen cintai agama, cintai bahasa. Ini boleh dilakukan dengan mewujudkan platform pendidikan khusus bagi Karya Puisi Melayu dan pemahaman tentang Ayat Amsal Al-Qur'an agar masyarakat menjawai dan mengaplikasikan nilai adab dan akhlak yang tersirat dari khazanah berharga ini demi melahirkan ummah yang cemerlang dan berkredibiliti.

Metodologi Kajian

Memandangkan kajian ini berkisar tentang bahasa maka data-data yang dikumpulkan adalah melalui pemerhatian, kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian teks banyak bertumpu kepada Karya Puisi Melayu seperti Buku Kurik Kundi Merah Saga dan Himpunan Koleksi Pantun Melayu. Penelitian khas juga dibuat ke atas Ayat-Ayat Amsal Al-Qur'an yang terpilih. Kaedah ini digunakan agar bacaan dan teks yang dianalisis itu dapat mengukuhkan kesedaran dan kefahaman tentang kaitan rapat antara Karya Puisi Melayu dengan Ayat-Ayat Amsal yang terdapat dalam Al-Qur'an. Kajian mengenai Ayat-Ayat Amsal yang terpilih ini juga akan diterangkan secara terperinci mengenai perbahasan metaforanya. Ini kerana dalam ilmu Bahasa Arab dan kesusateraannya, ilmu ini tidak disebut sebagai metafora tetapi setelah dilakukan penelitian didapati bahawa ilmu metafora di dalam bahasa Arab adalah ilmu-ilmu yang terdapat di bawah pembahagiaan ilmu bayan. Justeru, perincian secara mendalam mengenai ilmu bayan akan dipanjangkan dalam dapatan kajian. Selain dari itu, hasil kajian ini diharapkan dapat meyakinkan kepada semua tentang betapa pentingnya masyarakat Melayu Islam itu berpegang teguh kepada agama dan peradaban mereka agar ianya dapat diterjemahkan dalam sebahagian besar aspek kehidupan. Ini amat penting kerana keteguhan mereka dalam pengamalan bacaan dan pemahaman Al-Qur'an itu mampu diterapkan pula dalam karya penulisan seperti Puisi Melayu. Di samping itu, ianya menjadi nilai tambah yang membentuk kredibiliti generasi millenium dalam mengaplikasikan bahasa dan pertuturan supaya bahasa yang digunakan itu menjadi wadah dakwah seterusnya menjana akhlak yang unggul dan bertaqwah.

Dapatan Kajian

Peranan Bahasa Terhadap Perkembangan Budaya

Tingginya tingkat kebudayaan sesuatu bangsa dapat ditentukan oleh bahasa. Kenyataan ini cukup jelas bahawa sesebuah bahasa itu melambangkan identiti sesuatu bangsa. Pakar sosiolinguistik juga menegaskan betapa pentingnya menghubungkan sosial dan budaya sesuatu bangsa untuk mengkaji mana-mana bahasa sekalipun. Ini kerana aspek-aspek dalam penggunaan bahasa seperti unsur-unsur budaya dan agama, larangan tertentu dalam penggunaan bahasa atau taboo, ukuran darjah pendengar-penutur dan aspek sosial lain yang berkaitan dengan penggunaan bahasa akan turut mengawal proses penggunaan bahasa (Zulkifly, 2000). Kenyataan pakar sosiolinguistik itu wajar kerana sesetengah ahli bahasa

menganggap bahawa norma sosiobudaya yang dimaksudkan sama pentingnya dengan norma linguistik sesebuah bahasa kerana pengetahuan linguistik tidak boleh menjamin seseorang penutur menggunakan bahasa dengan tepat dan betul mengikut norma sosiobudaya yang ditetapkan oleh sesebuah komuniti bahasa (Noriah, 1998). Oleh itu hubungan antara bahasa dan sosiobudaya amat penting. Bermula dari satu perkataan kepada frasa sehingga kepad sebuah teks, makna sesuatu bahasa itu tetap dipengaruhi oleh faktor budaya. Sebagai orang Melayu yang kaya dengan budaya, kita mempunyai seni warisan puisi yang pelbagai. Tambahan pula, khazanah budaya penulisan ini pula sangat berkait rapat dengan Ayat Amsal Al- Qur'an di mana elemen metafora yang indah dan euforia yang sangat mendalam diselitkan dalam karya-karya Puisi Melayu ini. (Mana Sikana, 2005).

Unsur Metafora Alam dalam Karya Puisi Melayu

Kefahaman gaya bahasa metafora bermula dengan mengetahui sisi takrifnya menurut bahasa dan istilah. Metafora menurut bahasa seperti yang terdapat di dalam Kamus Dewan edisi keempat sebagai pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yg berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan) (Noresah Baharom, 2007). Manakala menurut Longman Exam Dictionary menerangkan metafora iaitu suatu cara untuk menjelaskan sesuatu dengan menggunakan sesuatu yang lain iaitu sifat-sifat yang mempunyai persamaan seperti yang ingin dijelaskan. *A way of describing something by referring to it as something different and suggesting that it has similar qualities to that thing* (Della Summers, 2006). Suatu kaedah untuk menerangkan sesuatu dengan merujuk kepada sesuatu yang lain dan mencadangkan yang ianya adalah perumpamaan tentang perkara tersebut. Metafora pada maksud istilah pula, menurut Hawkes ialah berasal dari bahasa Greek yakni “*metaphora*”, dari kata *meta* yang bermaksud lebih dari, manakala *pherein* pula bermaksud untuk membawa. Ianya merujuk kepada set tertentu daripada proses linguistik di mana aspek pada satu objek adalah “yang di bawa” atau dialihkan pada objek yang lain. Ini memberi pengertian objek yang kedua dibicarakan seolah-olah ia adalah objek yang pertama (Terence Hawkes, 1972). Mari kita lihat unsur metafora yang digunakan dalam Karya Puisi Melayu dan kita hadkan kepada Puisi Melayu, Pantun Melayu dan Peribahasa Melayu sahaja agar perbahasan yang dibuat tidak terlalu panjang.

Puisi Melayu / Syair

| Bil | Tajuk Puisi/ Syair | Rangkap Puisi/ Syair & Metafora | Maksud |
|------------|---|--|--|
| 1. | Syair Burung Nuri (Haji Muhammad Said, 1985) | Burung Nuri terbang melayang, Terbang rendah di tepi paya, Pesan datuk jangan dilayang, Demi agama jangan terdaya. | Sifat rendah diri, bijaksana, berhemah dan berwaspada |
| 2. | Puisi Dalam Diri Sendiri (Noordin Hassan, 1992) | Aku melihat ke dalam diri, Sebuah lautan yang luas terbentang, Dengan gelombang yang tinggi, Dan badai yang tak terkawal | Kehidupan manusia yang penuh dengan liku perjalanan (ada dugaan dan cabaran) |
| 3. | Puisi Tulang-Tulang Berserakan (Usman Awang, 1966) | Tulang-tulang berserakan, Di sepanjang jalan kehidupan, Yang penuh dengan onak dan duri, Yang memecahkan hati dan perasaan | Betapa banyaknya yang telah terkorban demi kelangsungan perjuangan |

Pantun Melayu

| Bil | Rangkap Pantun & Metafora | Maksud |
|-----|---|---|
| 1. | Buah cempedak di luar pagar, Ambil Galah tolong jolokkan, Saya budak baru belajar, Kalau salah tolong tunjukkan | Secara ringkas, pantun ini menunjukkan permintaan seseorang untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat dalam proses belajar, sambil menunjukkan kesediaan menerima teguran dengan hati terbuka |
| 2. | Padi muda jangan dilurut, Kalau dilurut patah batangnya , Hati muda jangan diturut, Kalau diturut susah datangnya. | Secara ringkas, pantun ini menasihatkan kita untuk bersabar dan bijak dalam membuat keputusan, tidak bertindak berdasarkan dorongan atau keinginan yang belum matang, kerana hal itu dapat membawa kesulitan dan menyebabkan penyesalan |
| 3. | Air melurut ke tepian mandi, Kembang berseri bunga senduduk , Elok diturut resmi padi, Semakin berisi semakin tunduk (Wan Yusof Hassan et.al, 1990) | Pantun ini menyarankan agar kita mencontoh padi, yang semakin berisi (menjadi matang dan penuh) semakin menunduk ke bawah. Ini bermakna, semakin banyak ilmu atau semakin berjaya seseorang, seharusnya ia semakin merendah diri kerana ianya adalah sifat yang mulia |

Peribahasa Melayu

| Bil | Jenis | Simpulan Bahasa/ Pribahasa & Metafora | Maksud |
|-----|--|--|---|
| 1. | Simpulan Bahasa | Pucuk dicita ulam mendatang | Mendapat sesuatu yang lebih baik daripada apa yang diharapkan |
| 2. | Simpulan Bahasa | Seperti kera mendapat bunga | Seseorang yang tidak tahu menghargai sesuatu yang indah atau berharga |
| 3. | Peribahasa | Alang-alang menyeluk pekasam , Biar sampai ke pangkal lengan | Jika sudah memulakan sesuatu pekerjaan, buatlah dengan bersungguh-sungguh sehingga selesai. |
| 4. | Peribahasa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011) | Bagai enau dalam belukar , Melepaskan pucuk masing-masing | Setiap orang hanya memikirkan kepentingan diri sendiri tanpa peduli tentang orang lain. |

Unsur Metafora Alam (Ilmu Bayan) dalam Ayat Amsal Al-Qur'an

Dalam ilmu kesusasteraan Arab, metafora merupakan ilmu-ilmu yang terdapat di bawah disiplin ilmu Balaghah kategori ilmu bayan melalui empat kaedah. Oleh itu, untuk lebih memberi kefahaman berkaitan metafora yang boleh dilihat di dalam al-Qur'an, suatu konsep perlu difahami dengan jelas. Konsep metafora dalam al-Qur'an adalah, suatu ayat yang wujud disebabkan perbandingan. Ayat tersebut terdapat kalimah atau perkataan yang berbeza dengan maksud asal dan zahir. Tetapi, disebabkan wujudnya penyesuaian atau qarinah pada sifat atau ciri, maka ayat tersebut tidak memerlukan kepada maksud yang zahir dan asal tadi. Mari kita lihat unsur metafora yang digunakan dalam ayat amsal Al- Qur'an dengan kaedah *Tasybih*, *Majaz*, *Isti'arah* dan *Kinayah* (Khalis & Alia, 2023)

Tasybih

Menurut al-Rummani, tasybih ialah ia merupakan suatu ikatan antara dua perkara, dan salah satu daripada kedua-duanya menggantikan tempat yang lain dalam bentuk *hissi* (yang boleh dirasai) dan *aqliy* (yang tidak boleh di rasai atau yang abstrak). Manakala menurut Abdul Qahir al-Jurjani, tasybih ialah menetapkan dengan satu makna dari makna-makna sesuatu yang lain atau satu hukum daripada hukum-hukum seperti menetapkan sifat berani seekor singa pada seseorang dan hujah yang kuat seperti cahaya dalam membezakan antara hak dan batil sebagaimana cahaya membezakan antara sesuatu. Oleh itu, *tasybih* ialah meletakkan satu perkara dengan perkara yang lain yang mana terdapat suatu ikatan antara keduanya. Samada dalam bentuk *hissi* mahupun *aqliy*.

Contoh bagi *tasybih* adalah seperti firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 17:

مَثُلُّهُمْ كَمَثُلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكُهُمْ فِي ظُلْمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ١٧

"Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) **samalah seperti orang yang menyalakan api**; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun)."

Dalam ayat ini, orang-orang yang menolak petunjuk Allah diumpamakan seperti orang yang menyalakan api dan kemudian cahaya dari api itu dihilangkan, meninggalkan mereka dalam kegelapan. Ini menggambarkan keadaan kebingungan dan ketidaan arah yang dialami oleh orang-orang yang berpaling dari kebenaran (Khalis & Alia, 2023).

Majaz

Khatib al-Qazwaini (Al- Qazwaini, 1987) memberi definisi bahawa majaz itu adalah satu perkataan yang digunakan bukan pada zahir dalam percakapan penutur beserta qarinah yang menghalang dari makna yang asal. Al-Hasyimi memberi penakrifan ke atas majaz sebagai lafadz yang digunakan untuk selain erti yang ditetapkan kerana wujudnya penyesuaian serta qarinah (petanda) yang menunjukkan bahawa ianya tidak memerlukan kepada makna aslinya (Ahmad Al- Hasyimi, 1994). Kesimpulannya, *majaz* ialah penetapan satu perkataan yang digunakan bukan pada zahir kerana wujudnya penyesuaian serta qarinah yang menghalang dari menggunakan makna asal.

Contoh bagi *majaz* adalah seperti firman Allah dalam Surah Al-Hadid ayat 20:

أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُوَ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنُكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ
 وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلٍ غَيْرِ أَعْجَبٍ الْكُفَّارُ بِإِيمَانِهِ ثُمَّ يَهْيَجُ فَتَرَاهُ مُصْنَفِرًا ثُمَّ يَكُونُ
 حَطَّامًا

"Ketahuilah bahwa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurau, perhiasan dan saling berbangga di antara kamu serta berlomba dalam kekayaan dan anak keturunan, **seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani**; kemudian (tanaman) itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning, kemudian menjadi hancur dengan dahsyatnya..."

Dalam ayat ini, kehidupan dunia dianalogikan dengan permainan dan senda gurau serta dibandingkan dengan hujan yang menghasilkan tanaman. Tanaman itu pada awalnya terlihat indah dan menakjubkan, tetapi akhirnya menjadi kering dan hancur. Ini menggambarkan sifat sementara dan fana dari kehidupan dunia yang seringkali mengaburkan manusia dari realitas akhirat (Husen Salamah, 2002).

Isti'arah

Ahmad al-Hasyimi mendefinisikan *isti'arah* sebagai menggunakan lafaz untuk selain dari maksud yang asal yang telah di tetapkan kerana adanya keserupaan antara maksud yang dipindahkan dan maksud yang digunakan, bersama itu terdapat hubungan untuk memberi maksud asal (Ahmad Al- Hasyimi, 1994). Menurut 'Ali al-Jarim dan Mustafa Amin, *isti'arah* merupakan salah satu bahagian dari majaz lughawi. Ianya adalah tasybih yang dibuang salah satu tarafnya. Oleh itu, hubungan antara makna hakiki dengan makna majazi adalah *musyabah* selamanya. Kesimpulannya *isti'arah* merupakan suatu kalimah yang diletakkan dalam satu ayat dan kalimah tersebut bukanlah maksud yang asal yang telah di tetapkan. Tetapi terdapat persamaan atau hubungan dengan maksud asal (Ali Al- Jarim & Mustafa Amin, 1977).

Contoh bagi *isti'arah* adalah seperti firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 171:

وَمَثُلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثُلُ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمُ
 عُمْيٌ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ١٧١

"Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), **samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang** yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya"

Dalam ayat ini, Allah menggunakan *isti'arah* untuk menggambarkan keadaan orang-orang kafir yang tidak dapat memahami kebenaran yang disampaikan kepada mereka. Mereka diumpamakan seperti binatang yang tidak mengerti apa-apa selain suara panggilan, menunjukkan ketidakmampuan mereka untuk merespons petunjuk dan nasihat (Mohd Zaki, 2015).

Kinayah

Al-Zamakhsyari mendefinisikan kinayah iaitu memberi maksud suatu ungkapan berbeza dengan zahirnya, mengambil kandungan tanpa bersandar pada kosa katanya samada secara hakiki mahupun majazi (Al-Zamakhsyari, 2009). Menurut Ali al-Jarim & Mustafa Usman, kinayah merupakan lafaz yang dimaksudkan untuk menunjukkan pengertian lazimnya, tetapi dapat dimaksudkan untuk makna asalnya. Kesimpulannya, kinayah merupakan suatu ungkapan berbeza dengan zahirnya. Yakni ia merupakan lafaz yang dimaksudkan untuk menunjukkan pengertian lazim. Tetapi dapat juga di maksudkan untuk makna asalnya (Ali Al- Jarim & Mustafa Amin, 1977).

Contoh bagi *kinayah* adalah seperti firman Allah dalam Surah Al-Jumuah ayat 5:

**مَثُلُّ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمُلُوهَا كَمَثُلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ۚ بِئْسَ مَثُلُّ
 الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِإِيمَانِ اللَّهِ ۖ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّلَمِينَ ۵**

"(Sifat-sifat Nabi Muhammad SAW itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang Yahudi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (Yahudi) yang dipertanggungjawabkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, **samalah seperti keldai yang memikul Kitab-kitab besar yang tebal**, (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.."

Dalam ayat ini, isti'arah digunakan untuk menggambarkan orang yang diberi kitab suci tetapi tidak mengamalkannya sebagai keledai yang membawa buku-buku tebal. Keledai tidak memahami apa yang dibawanya, sehingga tidak ada manfaat dari ilmu yang dikandung kitab tersebut. Ini menggambarkan keadaan orang yang tidak memahami atau tidak mengamalkan ajaran yang diberikan kepada mereka (Mohd Zaki, 2015).

Kaitan Rapat Antara Karya Puisi Melayu Dengan Ayat Amsal Al-Qur'an

Metafora dalam Ayat Amsal Al-Qur'an (Tentang Sumbangan Sedekah) & dalam Pantun (Tentang Sumbangan Jasa dan Budi)

**مَثُلُّ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثُلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ
 سُبْلَةٍ مِائَةً حَبَّةً ۖ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۖ وَاللَّهُ وُسِعٌ عَلَيْهِ ۖ ۲۶۱**

Maksudnya: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama **seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji**. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. (Al-Baqarah: 261)

Firman Allah SWT ini jelas menunjukkan perumpamaan yang hebat tentang keadaan seorang muslim yang menginfakkan dan meyumbang hartanya di jalan Allah dengan tulus ikhlas untuk ketaatan dan kebaikan, sama seperti keadaan seorang petani yang menabur benih. Sebutir biji yang ditanam di tanah yang subur menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji sehingga jumlah keseluruhannya menjadi tujuh ratus biji. Bahkan Allah terus melipat gandakan pahala kebaikan sampai tujuh ratus kali ganda atau lebih bagi siapa yang dikehendakinya. Ajaran Islam mengenai infak sangat tinggi nilainya. Selain mengikis sifat-sifat yang tidak baik seperti kikir dan mementingkan diri sendiri, infak juga menimbulkan kesadaran sosial yang mendalam, bahwa manusia sentiasa saling memerlukan, dan seseorang itu tidak akan dapat hidup seorang diri. Sebab itu harus ada sifat tolong menolong dan suka bersedekah sehingga jurang pemisah antara yang kaya dan yang miskin dapat dihapuskan dan persaudaraan dapat dipupuk dengan hubungan yang lebih akrab (Wahbah Zuhaili, 1997). Menafkahkan harta di jalan Allah, baik yang wajib seperti zakat, maupun yang sunat seperti sedekah sangat digalakkan untuk kesejahteraan umat serta membentras penyakit kemiskinan dan kebakilan. Setelah kita lihat unsur metafora alam dalam ayat amsal Al-Qur'an (tentang sumbangan infaq dan sedekah), mari kita lihat pula kaitannya dengan metafora alam yang digunakan dalam pantun pula. Kali ini kita lihat pantun yang berkait tentang sumbangan jasa dan budi. Ini kerana sedekah bukan hanya bertumpu pada bantuan dalam bentuk kewangan. Menjadi pendengar yang baik buat kawan yang mempunyai masalah juga sedekah. Memberi motivasi kepada orang lain juga sedekah. Mendamaikan dua pihak yang berkelahi juga sedekah. Ringkasnya, apa saja perbuatan yang memberi manfaat kepada orang lain juga merupakan bahagian dari sedekah.

Burung pipit burung kedidi

Hinggap di pokok di tepi sawah

Jika hidup tidak berbudi

Ibarat pohon tidak berbuah

Pisang emas dibawa belseyari,

Masak sebiji di atas peti

Hutang emas boleh dibayar,

Hutang budi dibawa mati.

(Wan Yusof Hassan et.al, 1990)

Kita dapat lihat di sini ayat pembayang yang digunakan dalam kedua-dua pantun menggunakan unsur metafora alam fauna dan flora. Pantun pertama mengajarkan pentingnya berbudi pekerti dalam kehidupan. Hidup yang diisi dengan budi pekerti adalah hidup yang bermakna, memberikan kebaikan, dan manfaat kepada orang lain. Seperti pohon yang berbuah memberikan hasil kepada manusia dan haiwan, orang yang berbudi akan dihargai oleh masyarakat. Sebaliknya, tanpa budi pekerti, hidup akan menjadi sia-sia, sama seperti pohon yang tidak berbuah. Pantun kedua pula mengajarkan kepada kita bahawa hutang dalam bentuk material, seperti emas, adalah sesuatu yang boleh dibayar dan dilunaskan. Namun, hutang budi bukanlah suatu yang mampu kita bayar (Nor Hashimah, 2014). Hanya Allah yang Maha kaya yang layak memberi ganjaran. Justeru, setiap perbuatan baik itu perlu kita usahakan secara istiqamah agar kita mampu meraih pahala sedekah berlipat kali ganda.

Metafora dalam Ayat Amsal Al-Qur'an & dalam Puisi (Tentang Cahaya Hidayah dari Allah SWT)

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثَلُ نُورٍ كَمِشْكَوَةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي
 رُجَاجَةِ الْزُّجَاجَةِ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرْرِيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةِ مُبَرَّكَةٍ زَيْوَنَةٌ لَا
 شَرْقِيَّةٌ وَلَا غَرْبِيَّةٌ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيَّعُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي
 أَلَّا لِنُورٍ مِنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ أَلْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٣٥

Maksudnya: Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam bekas kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): **cahaya berlapis cahaya**. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(An-Nur: 35)

Ayat ini menerangkan bahawa Allah adalah pemberi cahaya kepada langit dan bumi serta semua yang ada pada keduanya. Dengan cahaya itu segala sesuatu berjalan dengan tertib dan teratur. Tidak ada yang menyimpang dari jalan yang telah ditentukan baginya, ibarat orang yang berjalan di tengah malam yang gelap gelita dan ditangannya ada sebuah lampu yang terang benderang yang menerangi apa yang ada di sekitarnya. Tentu dia akan selamat dalam perjalananannya, tidak akan tersesat atau tergelincir ke jurang yang dalam, walau bagaimana banyak liku-liku yang dilaluinya. Demikianlah perumpamaan bagi cahaya Allah meskipun amat jauh perbezaan antara cahaya Allah dan cahaya yang dijadikan perumpamaan (Wahbah Zuhaili, 1997). Allah memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendakinya untuk mendapat cahaya sehingga mukmin tersebut selalu mendapat bimbingan dalam menempuh jalan yang lurus bersendikan syarak demi menggapai redha Allah SWT.

Di ujung lorong gelap ini
 Kurenung seberkas cahaya
 Penuh rahsia dan makna
 Menggoda jiwa untuk mendekat

Aku mengatur langkah perlahan
Dalam gelap, aku mencari
Apakah cahaya itu nyata
 Atau hanya **bayang-bayang** semata
 (A. Samad. Said, 2008)

"**Cahaya di Hujung Lorong**" adalah sebuah antologi puisi dalam novel karya A. Samad. Said yang menggambarkan perasaan dan pandangan penyair tentang kehidupan, perjuangan, dan harapan. Tajuk "Cahaya di Hujung Lorong" itu sendiri memberi bayangan harapan, iaitu walaupun seseorang itu melalui kegelapan atau kesulitan dalam hidup, masih ada cahaya yang menunggu di hujung perjalanan (A. Samad. Said, 2008). Ini adalah simbolisme bagi harapan dan sudah semestinya sebagai seorang Muslim, cahaya yang Allah kurniakan kepada kita adalah cahaya iman yang merupakan nikmat yang paling berharga dan paling mahal. Dalam puisi ini kita dapat lihat metafora yang digunakan adalah sama dengan ayat amsal Qur'an Surah An-Nur ayat 35 iaitu cahaya.

Metafora dalam Ayat Amsal Al-Qur'an (Tentang Kata-Kata yang Baik) & dalam Pantun (Tentang Budi dan Bahasa)

أَلْمَ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلْمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُونَ
فِي السَّمَاءِ ۖ ۲۴ نُوْتَرَى أَكْلُهَا كُلًّا حِينَ يَأْذِنُ رَبِّهَا ۝ وَيُضَرِّبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ
لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ۖ ۲۵ وَمَثَلُ كَلْمَةٍ حَبِيبَةٍ كَشَجَرَةٍ حَبِيبَةٍ أَجْتَنَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا
لَهَا مِنْ قَرَارٍ ۖ ۲۶

Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan bandingan kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.

(Ibrahim: 24-26)

Ayat di atas menggambarkan betapa indahnya gambaran yang dianugerahkan oleh Allah SWT. tentang keberadaan orang-orang yang bertaqwa di mana keberadaannya (kerana iman yang dimiliki serta akhlak yang terpatri dalam dirinya), ibarat sebuah pohon yang baik, yang akarnya sangat kuat mencengkam ke dasar tanah, sementara dahan dan rantingnya menjulang tinggi ke langit. Pohon tersebut tumbuh dengan subur dan rendang dan berbuah dengan buah yang segar dan lazat, dapat dinikmati oleh masyarakat yang hidup di sekitarnya pada setiap saat dengan izin Allah SWT. Kemudian ayat di atas juga menggambarkan keberadaan orang-orang yang musyrik atau kafir di mana keberadaannya (kerana keku忿ur yang ada dalam hatiya dan sifatnya yang tidak berakhlak), ibarat pohon yang buruk dan sudah rosak di mana akarnya sudah rapuh dan layu terangkat dari permukaan bumi yang mana esok atau lusa akan mati. Adanya pohon ini pasti tidak akan memberi manfaat kepada manusia dan juga alam sekeliling (Wahbah Zuhaili, 1997).

Yang kurik itu kendi
Yang merah itu saga
Yang molek itu budi
Yang indah itu bahasa

Burung serindit terbang melayang,
Terhenti **hinggap di ranting mati**;
Bukan ringgit dipandang orang,
Tapi memandang bahasa dan budi.
(Wan Yusof Hassan et.al, 1990)

Sekarang mari kita lihat dan perhatikan kaitannya dengan metafora yang ada dalam dua rangkap pantun di atas. Pantun pertama menyampaikan mesej bahawa sebagaimana kita mengenali sesuatu melalui ciri-ciri fizikalnya, kita juga dapat mengenali keindahan manusia melalui budi pekerti dan bahasa mereka. **budi yang baik** adalah yang mempercantikkan seseorang di mata orang lain, sementara **bahasa yang indah** adalah cerminan dari hati yang baik dan budi pekerti yang luhur. Pantun ini menekankan kepentingan memiliki budi pekerti yang baik dan berbahasa dengan sopan sebagai aspek penting dalam hubungan sosial dan kehidupan bermasyarakat. Pantun kedua pula menyampaikan pesan bahwa dalam hidup, nilai seseorang tidak diukur berdasarkan kekayaan material atau wang semata-mata, tetapi lebih kepada bagaimana mereka berkomunikasi (bahasa) dan bertingkah laku (budi pekerti). Bahasa yang sopan dan budi yang baik adalah tanda keperibadian yang dihormati dan dihargai oleh masyarakat (Nirwana & Zulkifley, 2016).

Kesimpulan

Dalam ketiga- tiga contoh di atas, metafora alam digunakan untuk menyampaikan nilai-nilai yang penting dalam kehidupan manusia. Di dalam Al-Qur'an, metafora alam sering digunakan untuk mengilustrasikan kebesaran, kekuasaan, dan kebijaksanaan Allah SWT. Sementara dalam peribahasa melayu, metafora alam sering digunakan untuk menggambarkan nilai-nilai kehidupan, etika dan kebijaksanaan yang diperoleh dari pengalaman dan pemerhatian manusia terhadap alam sekitar. Malahan sebenarnya metafora dalam karya puisi Melayu menyakinkan lagi kita tentang kaitan rapatnya dengan ayat amsal Qur'an. Masyarakat melayu yang membaca dan beramal dengan isi al- Qur'an, dalam masa yang sama juga berinteraksi dengan alam dalam kehidupan. Dengan memahami metafora alam, baik dalam Al-Qur'an maupun dalam peribahasa melayu, mereka lebih mudah untuk menghayati dan merasapi nilai-nilai yang ingin disampaikan. Ini menunjukkan bahwa meskipun konteksnya berbeza, penggunaan metafora alam dalam kedua kaedah tersebut mengandungi persamaan nilai-nilai yang mendasar, seperti kebijaksanaan, kebenaran, dan ketakjuban terhadap kebesaran keagungan Sang Pencipta.

Rujukan

- A. Samad Said. (2008). *Cahaya di Hujung Lorong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah M. Al-Rehaili. (2003). *Bukti Kebenaran Alquran*. Bandung: Mizan.
- Ahmad al-Hasyimi. (1994). *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ali Al- Jarim & Mustafa Amin. (1977). *Al-Balaghah Al-Wadhihah*, Kaherah: Dar Al-Ma'rifah
- Al-Qazwaini, Jalaluddin Muhammad. (1987). *Talkhis al-Miftah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud ibn 'Umar. (2009). *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amalia, H. R., Serliana. (2022). *Teenagers Language Politeness Strategy on Social Media WhatsApp Based on Level of Education*. Al-Lisan: Jurnal Bahasa (e-Journal).
- Burns, Kelli S. (2008). "The Misuse of Social Media: Reactions to, and Important Lessons from a Blog Fiasco". Journal of New Communications Research, Vol. III, Issue 1, October.
- Della Summers. (2006). *Longman Exams Dictionary*. United Kingdom: Pearson Longman.
- Haji Muhammad Said. (1985). *Kumpulan Kesasteraan Melayu Tradisional: Syair Burung Nuri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2003). "Menemui Jati Diri Bangsa Melayu dalam Karya Agung Melayu" dlm. Sahlan Mohd Saman et. al (Pnyt.). *Persuratan Melayu: Pemerksaan Warisan Bangsa*. Siri Seminar Antarabangsa Kesusteraan Melayu VII. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ku Seman Ku Hussain & Hafizahril Hamid. (2011). Wawancara bersama Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid. "Saya bangga sebagai Melayu". Mingguan Malaysia.
- Manan Sikana. (2005). *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Karya.
- Mohd Zaki Abd Rahman et.al. (2015). *Balaghah Melayu Berdasar Balaghah Arab: Satu Pengenalan Dalam Ilmu Bayan*. Serdang: UPM Press
- Muhammad Ahmadi. (1996). *Majas dan Peribahasa; sifat, ragam, fungsi dan nilainya*. Yogyakarta: Fajar Pustaka.
- Muhammad Husen Salamah. (2002). *Al-I'jaz al-Balaghi Fi al-Quran al-Karim*. Kairo: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Muhammad Khalis and Nur Alia. (2023). "Tasybih Dalam Ilmu Al-Balaghah." Journal Of Arabic Studies 2, No. 2.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). *Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu*. Jurnal Melayu, 15(2).
- Noordin Hassan. (1992). *Kumpulan Puisi Tradisional: Dalam Diri Sendiri, Dalam Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Penerbit USM.
- Taufik, Tata. (2012). *Etika Komunikasi Islam*. Pustaka Setia.
- Terence Hawkes. (1972). *Metaphor*, c.1, London: Methuen & Co Ltd.
- Usman Awang. (1966). *Tulang-Tulang Berserakan. Dalam Duri dan Api*. Singapura: Pustaka Melayu.

- Wan Yusof Hassan et.al. (1990). *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Cetakan Pertama. K.Lumpur: DBP.
- Wahbah bin Mushtaha Al-Zuhaili. (1997). *Al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syari'ah Wa al-Manhaj*. Damaskus: Dar al-Fikr al-Mu'ashir.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai*. Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifly Hamid. (2000). *Bahasa; Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.